

**GARIS PANDUAN TESIS IJAZAH  
KEDOKTORAN  
MELALUI PENERBITAN  
2019**



**SEKOLAH PENGAJIAN SISWAZAH**

<b>PERKARA</b>	<b>MUKASURAT</b>
1.0 PENGENALAN	1
2.0 KELAYAKAN MENGHANTAR THESIS	1-4
3.0 SYARAT ARTIKEL	5-6
4.0 FORMAT THESIS	7-10
5.0 LAPORAN PLAGIAT	10-11
6.0 PEPERIKSAAN	11

## **1.0 Pengenalan**

- 1.1 Garispanduan ini disediakan bagi menyediakan panduan, syarat-syarat dan format tesis ijazah kedoktoran mengambil kira penerbitan.

## **2.0 Kelayakan penghantaran tesis**

- 2.1 Seorang calon layak menghantar tesis ijazah kedoktoran melalui penerbitan setelah memenuhi syarat-syarat berikut:
- a. Memohon secara bersama melalui Borang Notis Penghantaran Tesis untuk kelulusan JAPSU dan Borang Permohonan Menghantar Tesis mengambil kira Penerbitan untuk kelulusan JKTS PS.
  - b. Mengemukakan 3 artikel dalam jurnal berindeks seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.
  - c. Permohonan diperaku oleh Penyelia Utama, disokong oleh fakulti dan diluluskan oleh JKTS (P&P) dan JAPSU.
  - d. Memenuhi syarat-syarat penghantaran tesis dan penganugerahan ijazah seperti yang dinyatakan dalam Peraturan Akademik Pengajian Siswazah, Universiti Teknologi Malaysia.
- 2.2 Sandaran serahan tesis melalui penerbitan ialah artikel yang mempunyai quartile dalam jurnal yang diindeks dalam pangkalan data Web of Science (WOS).
- 2.3 Calon perlu memohon secara selari dengan mengisi Borang Notis Penghantaran Tesis (sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum penghantaran tesis) dan Borang Permohonan Penghantaran Tesis Mengikut Ijazah Kedoktoran Melalui Penerbitan (sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum tarikh penghantaran tesis).

2.4 Bagi penghantaran **24 bulan**, pelajar perlu mengemukakan minimum tiga (3) artikel jurnal berindeks dalam SCOPUS/Web of Science dengan sekurang-kurangnya dua (2) artikel mestilah diterima atau diterbitkan dalam jurnal Q1/Q2 dalam Web of Science.

2.5 Bagi penghantaran **30 bulan**, pelajar perlu mengemukakan minimum tiga (3) artikel jurnal berindeks dalam SCOPUS/Web of Science dengan sekurang-kurangnya satu (1) artikel mestilah diterima atau diterbitkan dalam jurnal Q1/Q2 dalam Web of Science.

**Jadual 1 Syarat-syarat artikel**


<b>Tempoh Hantar</b>	<b>Syarat Artikel</b>
<b>24 bulan</b>	Minimum tiga (3) artikel jurnal berindeks dalam SCOPUS/Web of Science dengan sekurang-kurangnya dua (2) artikel mestilah diterima atau diterbitkan dalam jurnal Q1/Q2 dalam Web of Science.
<b>30 bulan</b>	Minimum tiga (3) artikel jurnal berindeks dalam SCOPUS/Web of Science dengan sekurang-kurangnya satu (1) artikel mestilah diterima atau diterbitkan dalam jurnal Q1/Q2 dalam Web of Science.

2.7 Calon dikehendaki menghantar notis penghantaran tesis melalui sistem GSMS sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum tarikh penyerahan. Notis ini perlu diperaku oleh Penyelia Utama, disokong oleh fakulti dan diluluskan oleh JAPSU.

2.8 Calon juga dikehendaki memohon menghantar tesis awal. Permohonan ini perlu diperaku oleh Penyelia Utama, disokong oleh fakulti dan diluluskan oleh Jawatankuasa Tetap Senat mengenai Pengajian Siswazah (JKTS P&P).

2.9 Calon dikehendaki mengikuti proses serahan tesis, menghadiri viva, pembetulan tesis dan syarat-syarat penganugerahan ijazah seperti mana tercatat dalam Peraturan Akademik

Pengajian Siswazah, Sekolah Pengajian Siswazah. Proses ini diringkaskan mengikut carta alir dalam Rajah 1.



**Rajah 1 Proses penghantaran dan peperiksaan tesis**

### 3.0 Syarat-syarat artikel

- 3.1 Setiap artikel mestilah yang telah diterbitkan atau diterima untuk terbitan dalam jurnal berindeks Scopus dan WOS sahaja.
- 3.2 Setiap artikel untuk kompilasi dalam tesis dikira daripada
  - a) Artikel yang telah diterbitkan (*published*) secara rasmi dalam jurnal atau yang diterbitkan secara pra-penerbitan sementara menunggu giliran (perlu mempunyai nombor indeks DOI),
  - b) Artikel yang telah diterima untuk penerbitan (*accepted*).
- 3.3 Artikel yang berstatus dihantar (*submitted*) untuk penerbitan, sedang dalam penilaian (*under review*) atau dalam proses pembetulan kecil atau besar adalah tidak dikira dalam Perkara 3.2 di atas.
- 3.4 Calon mestilah penyumbang utama bagi setiap artikel selain dari Penyelia. Sekiranya terdapat 2 atau lebih penulis adalah pelajar maka nama calon mestilah tersenarai terawal bagi menggambarkan beliau ialah penyumbang utama di kalangan pelajar.
- 3.5 Sekurang-kurangnya seorang nama penyelia pelajar mestilah dinyatakan sebagai penulis bersama dalam artikel.
- 3.6 Setiap artikel yang diterbitkan mestilah berbentuk penyelidikan, dan relevan dengan bidang kajian dan kandungan keseluruhan tesis.

- 3.7 Tarikh setiap artikel yang telah diterbitkan atau diterima untuk diterbitkan mestilah dalam jangka masa pengajian pelajar bagi ijazah kedoktoran di UTM, iaitu selepas tarikh pendaftaran program dan sebelum tarikh penyerahan tesis. Untuk ini, tarikh manuskrip artikel dihantar untuk penilaian kepada jurnal mestilah dalam jangka masa pengajian kedoktoran pelajar.
- 3.8 Artikel yang diterbitkan atau diterima untuk diterbitkan dalam jurnal mestilah dari kerja di peringkat ijazah kedoktoran. Kerja-kerja yang terbukti dari ijazah terdahulu, iaitu Sarjana atau Sarjana Muda adalah tidak boleh diambilkira.
- 3.9 Setiap artikel oleh calon mestilah menunjukkan afiliasi nama fakulti calon, jabatan, fakulti dan “Universiti Teknologi Malaysia”. Artikel yang tidak mempunyai afiliasi sedemikian adalah tidak boleh diambil kira.
- 3.10 Artikel yang telah dikira bagi seorang calon ijazah kedoktoran melalui penyelidikan tidak boleh dikira semula bagi seorang calon lain ijazah kedoktoran melalui penyelidikan.
- 3.11 Setiap artikel mestilah disertakan dengan bahan-bahan bukti dalam permohonan calon, iaitu
- a) Salinan penuh artikel yang telah diterbitkan atau diterima untuk diterbitkan dalam jurnal
  - b) Dokumen yang menyatakan manuskrip telah diterima untuk diterbitkan dalam jurnal berkenaan.
  - c) Dokumen mengenai pengiktirafan jurnal Scopus/WOS.
  - d) Bukti tarikh serahan artikel kepada jurnal

#### 4. Format penyediaan tesis

- 4.1 Pelajar perlu merujuk kepada buku panduan penulisan tesis yang diterbitkan oleh Sekolah Pengajian Siswazah bagi format tesis melalui penerbitan.
- 4.2 Kandungan Utama Bab-Bab mestilah mengandungi sekurang-kurangnya enam (6) bab, mengikut susunan seperti dalam carta padar Rajah 2 (tajuk bab boleh berubah mengikut kesesuaian penyelidikan). Ketebalan bagi komponen ini mestilah **tidak melebihi 100 muka surat**.
- a. **Bab 1** ialah Kerangka Penyelidikan. Kandungannya mestilah meliputi Pengenalan, latarbelakang masalah, pernyataan masalah, objektif, skop kajian, kaedah penyelidikan, organisasi tesis dan ringkasan sumbangan, mengikut format dalam Peraturan Akademik Pengajian Siswazah.
  - b. **Bab 2** ialah kajian literatur yang berkaitan dengan topik.
  - c. **Bab 3** ialah ringkasan sumbangan ilmu dan penemuan baru dari Artikel 1. Sumbangan mestilah dikaitkan dengan huraian masalah dan objektif kajian dalam Bab 1 serta kajian literatur dalam Bab 2. Kandungan perlu ringkas dan tidak perlu ulang kandungan dalam artikel.



- d. **Bab 4** ialah ringkasan sumbangan ilmu dan penemuan baru dari Artikel 2. Sumbangan mestilah dikaitkan dengan huraian masalah dan objektif kajian dalam Bab 1 serta kajian literatur dalam Bab 2. Kandungan perlu ringkas dan tidak perlu ulang kandungan dalam artikel.
  
- e. **Bab 5** ialah ringkasan sumbangan ilmu dan penemuan baru dari Artikel 3. Sumbangan mestilah dikaitkan dengan huraian masalah dan objektif kajian dalam Bab 1 serta kajian literatur dalam Bab 2. Kandungan perlu ringkas dan tidak perlu ulang kandungan dalam artikel.
  
- f. **Bab 6** ialah Ringkasan dan Penutup. Huraian dan ringkasan dari sumbangan-sumbangan pada bab-bab yang perlu dikaitkan dengan huraian masalah dan objektif penyelidikan dalam Bab 1. Juga, cadangan kajian lanjutan dari masalah lain yang masih terbuka.

*Nota: Pelajar boleh memecahkan Bab 6 - Ringkasan dan 7- Penutup. Perkara ini adalah bergantung kepada keperluan bidang.*

- 4.3 Rujukan mestilah mengandungi senarai artikel yang dirujuk dan disebut dalam Kandungan Utama Bab-Bab sahaja. Senarai ini tidak termasuk artikel-artikel yang dirujuk dalam artikel sekiranya mereka tidak disebut dalam Kandungan Utama Bab-Bab. Format mestilah mengikut Peraturan Akademik Pengajian Siswazah.
  
- 4.4 Apendiks mengandungi salinan penuh setiap artikel yang telah disenaraikan dalam tesis. Minimum 3 artikel yang telah diterbitkan dalam jurnal-jurnal berindeks Scopus/WOS.
  - a. Setiap artikel perlu dilampirkan mengikut format asal dalam jurnal berkenaan. Ia tidak perlu diubahsuai dan tidak perlu mengikut format lazim seperti yang

dinyatakan dalam Peraturan Akademik Pengajian Siswazah.

- b. Setiap artikel perlu ditandakan sebagai Lampiran A, Lampiran B dan seterusnya.
- c. Apendiks juga boleh meliputi data, jadual dan lampiran lain yang berkaitan dengan Kandungan Utama Bab-Bab.

4.5 Maklumat berkaitan perkara teknikal lain seperti format, susunatur, saiz, *font* dan lain-lain aspek teknikal dalam menghasilkan thesis adalah seperti yang dinyatakan dalam Thesis Manual UTM.

## **5. Laporan plagiat**

- 5.1 Tesis yang dihantar untuk ijazah kedoktoran melalui penerbitan perlu menjalani pemeriksaan plagiat melalui perisian Turnitin sama seperti kaedah tesis konvensional sebelum serahan untuk peperiksaan viva, seperti yang dinyatakan dalam Peraturan Akademik Pengajian Siswazah.
- 5.2 Had maksimum indeks plagiat melalui perisian Turnitin ialah 20% bagi rujukan-rujukan selain dari kertas-kertas rujukan calon. Kertas-kertas yang dirujuk oleh calon dalam jangka masa pengajian ijazah kedoktoran adalah tidak termasuk dalam kiraan indeks ini.
- 5.3 Calon yang didapati mempunyai indeks plagiat melebihi 20% melalui rujukan selain daripada kertas-kertas sendiri adalah dikira tidak layak menghantar tesis, seperti yang dinyatakan dalam Peraturan Akademik Pengajian Siswazah.

## **6. Peperiksaan**

- 6.1 Proses peperiksaan untuk tesis dalam bentuk artikel yang diterbitkan adalah sama seperti peperiksaan untuk tesis melalui kaedah konvensional seperti yang dinyatakan dalam Peraturan Akademik Pengajian Siswazah.
  
- 6.2 Calon perlu menghadiri sesi viva, melakukan pembetulan seperti yang diarahkan oleh Panel Peperiksaan, mendapat pengesahan pembetulan dari Panel Peperiksaan sebelum tesis diterima untuk penganugerahan ijazah yang diperakukan oleh Senat Universiti.

*Hakcipta Terpelihara  
Sekolah Pengajian Siswazah, 2016*

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian dari panduan ini dalam apa jua bentuk sama ada elektronik, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kelulusan dan keizinan bertulis daripada Sekolah Pengajian Siswazah, UTM.

Maklumat dalam panduan ini adalah seperti yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Senat Universiti pada:

2010,

Pindaan pertama 2011,

Pindaan kedua 2013,

Pindaan ketiga 2018